

## **Peserta Berarak Ke Dataran Merdeka Cetuskan Kesesakan Trafik**

**Bernama**

**1 Mei, 2014**

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Tindakan peserta perhimpunan membantah cukai barang dan perkhidmatan (CBP) berkumpul dan berarak ke sekitar kawasan Dataran Merdeka, mencetuskan kesesakan lalu lintas di kawasan sekitar bandaraya.

Ini berikutan perhimpunan itu dijadual bermula pada 2 petang.

Tinjauan Bernama mendapati Jalan Tunku Abdul Rahman (TAR) sesak dengan kebanjiran peserta, rata-ratanya berbaju merah dan kuning, berjalan kaki ke Dataran Merdeka dan mengganggu kelancaran lalu lintas kenderaan warga kota yang melalui kawasan itu.

Jalan Sultan Hishammuddin menuju ke Dataran Merdeka turut sesak akibat peserta perhimpunan meletakkan kenderaan mereka sesuka hati di pinggir jalan sehingga menyukarkan pengguna jalan raya lain yang menggunakan laluan berkenaan.

Sebahagian peserta juga dilihat sudah berada di perkarangan Dataran Merdeka di Jalan Raja, sejak 1.15 tengah hari.

Trafik turut sesak di kawasan berkenaan akibat peserta berkumpul di tengah-tengah jalan, sambil mencetuskan provokasi dengan melaung-laungkan slogan membantah kerajaan, membunyikan hon, bersorak, menggunakan pembesar suara dan menyanyi.

Sementara itu, Ketua Polis Trafik Kuala Lumpur ACP Rusli Mohd Noor ketika dihubungi Bernama berkata, secara keseluruhannya trafik di sekitar ibu negara masih terkawal, namun polis tetap mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Katanya, anggota trafik ditempatkan di setiap sudut lokasi bagi memastikan kelancaran trafik.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035027>